

TAHAP PERSEPSI PELAJAR BAHASA ARAB TERHADAP EFIKASI KENDIRI DALAM MEMBACA

Nur Hasimah binti Abdullah¹
Che Radiah binti Mezah, Ph.D²
Nik Farhan bin Mustapha, Ph.D³

Abstrak

Isu kelemahan yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran membaca sering diperbahaskan oleh pihak sarjana. Berdasarkan perbahasan mengenai kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran membaca adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu iaitu faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran tertumpu kepada kelemahan penguasaan kosa kata, teknik dan strategi. Manakala kelemahan faktor dalaman kemahiran membaca bergantung kepada kurangnya efikasi sendiri, motivasi, minat dan sebagainya. Efikasi sendiri merupakan faktor penting dalam membaca. Ini kerana ia dapat meningkatkan kepercayaan dan daya usaha pelajar terhadap kebolehan membaca sebagai pembaca yang berjaya. Justeru, kajian ini membincangkan tahap persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sebanyak 252 orang pelajar dari empat buah IPTA dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Satu set instrumen soal selidik digunakan oleh kajian ini untuk mengumpulkan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan membaca bahasa Arab mempunyai perkaitan dengan faktor efikasi sendiri.

Kata kunci : Efikasi Kendiri, Membaca, Bahasa Arab

PENDAHULUAN

Bahasa Arab telah lama dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Matlamat pengajaran Bahasa Arab di Malaysia adalah membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran membaca, mendengar, bertutur, dan menulis. Kemahiran membaca adalah tumpuan utama dalam menguasai sesuatu bahasa. Kemahiran ini merupakan proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca sehingga terbentuk makna berdasarkan pengamatan yang telah dilakukan (Goodman, 1973).

Pada hakikatnya tidak lengkap mempelajari sesuatu bahasa itu melainkan ia dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajari. Hal ini kerana membaca merupakan antara sumber kepada pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu

¹ Penulis merupakan pelajar sarjana bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM)

² Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Universiti Putra Malaysia (UPM)

³ Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Universiti Putra Malaysia (UPM)

pengetahuan. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua di Malaysia boleh dianggap kemahiran membaca adalah objektif utama yang perlu dikuasai (Nik Mohd Rahimi, 1998). Sememangnya kemahiran ini adalah penting kepada pelajar untuk menguasai ilmu akademik. Maka pelajar perlu berdepan dengan cabaran untuk menguasai kemahiran membaca tersebut memandangkan ia merupakan suatu kepentingan (Abdul Alim 1994 & Grabe 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih tampak pincang apabila melihat pencapaian dan penguasaan pelajar dalam bahasa ini. Pencapaian prestasi pembelajaran bahasa Arab masih menunjukkan penguasaan para pelajar lepasan IPTA masih berada pada tahap lemah dan kurang mampu membaca dalam bahasa Arab dengan baik (Mat Taip Pa, 2006; Ab.Halim, 2007). Namun begitu, tahap kemahiran dan penguasaan membaca ini masih menjadi perbincangan dan persoalan pelbagai pihak bagi mereka yang terlibat di peringkat persekolahan mahupun di peringkat pengajian tinggi (Kamarulzaman & Nik Mohd Rahimi, 2005; Zainur Rijal & Rosni, 2006; Kamarul Shukri, 2009). Situasi ini memberi gambaran bahawa penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab khususnya masih berada pada tahap yang kurang memuaskan dan prestasi penguasaan bahasa Arab yang dikatakan semakin menurun (Wan Abrisam, 2002; Saupi, 2003; Nasimah, 2006; Kamarul Shukri et al. 2008).

Berdasarkan perbincangan mengenai kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran membaca adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu iaitu faktor luaran dan dalaman. Bagi Azman Che Mat et. al (2010) faktor dalaman dan luaran memainkan peranan penting dalam mempelajari bahasa. Faktor luaran melibatkan struktur bahasa, pengajar, modul serta rekabentuk pengajaran dan sebagainya. Manakala bagi faktor dalaman pula melibatkan motivasi, minat, sikap, psikologi dan kepercayaan. Merujuk kepada faktor dalaman, dapat dirumuskan bahawa ia berpunca daripada diri pelajar itu sendiri; iaitu keyakinan dan kepercayaan diri atau juga disebut sebagai efikasi sendiri (*self-efficacy*). Justeru itu, faktor ini sewajarnya diberi perhatian kerana melibatkan kepercayaan dalaman pelajar. Oleh hal yang demikian, dengan mengenal pasti persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca diharap dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca.

EFIKASI KENDIRI

Efikasi sendiri merupakan komponen Teori Kognitif Sosial. Efikasi sendiri dapat didefinisikan sebagai kepercayaan seseorang terhadap kebolehannya untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku dan tugas yang baru serta sukar dengan jayanya (Bandura, 1977; Schwarzer, 1992). Hal ini dilihat apabila seseorang itu memiliki keyakinan yang tinggi untuk menjalankan sesuatu tugas yang diberikan kepadanya. Ia juga boleh dijadikan sebagai peramal. Oleh itu, kepercayaan terhadap efikasi sendiri ini amat berguna bagi memahami dan meramal hasil yang akan dicapai (Betz & Hackett, 1988).

Bagi Bandura (2000) dan Pajares (1996), efikasi sendiri merupakan kepercayaan seseorang terhadap kebolehan diri untuk menggerakkan sumber kognitif, motivasi dan cara yang dianggap sesuai dan perlu dengan kehendak tugas yang akan dilaksanakan. Dalam erti kata lain, efikasi sendiri yang positif memandu tingkah laku pelajar yang strategik untuk mencapai matlamat pembelajaran. Ringkasnya, seseorang akan berusaha apabila mereka percaya bahawa mereka dapat melakukannya dan akan menarik diri apabila mereka percaya mereka tidak mampu melakukannya.

Terdapat empat (4) sumber yang akan mempengaruhi efikasi sendiri. Melalui sumber itu, ia dapat membantu individu untuk menilai efikasi sendiri serta menentukan sama ada individu mempercayai bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk menyempurnakan tugas tertentu atau sebaliknya. Empat sumber tersebut ialah Pencapaian diri sendiri, Pencapaian orang lain, Pemujukan diri dan sosial, dan Keadaan fisiologi (Bandura, 1977). Manakala kajian ini menambah satu sumber baharu iaitu metafizik sebagai salah satu sumber efikasi sendiri. Penggabungan unsur metafizik yang berilhamkan idea oleh Kamarul Shukri (2009), dan akan disebut sebagai sumber metafizik dalam kajian ini. Sumber metafizik adalah berunsurkan ketauhidan dan pengakuan tentang *ilahiyyat* atau ketuhanan. Penggunaan sumber ini sering dilakukan dalam aktiviti membaca bahasa Arab, contohnya memulakan pembacaan dengan Bismillah dan mengakhiri pembacaan dengan Alhamdulillah.

HURAIAN ISTILAH KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang penting dan selalu digunakan. Oleh itu, makna istilah-istilah yang digunakan perlu diperjelaskan bagi mengelakkan kesalahan pemahaman oleh pembaca. Istilah-istilah tersebut didefinisikan seperti berikut:

1. Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan sendiri pelajar IPTA di Malaysia dalam membaca bahasa Arab.

2. Sumber-Sumber Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri terkesan daripada lima sumber efikasi sendiri yang berinteraksi dengan manusia secara semulajadi iaitu;

3. Pencapaian diri sendiri

Sumber ini merujuk kepada kemampuan pelajar membaca bahasa Arab berdasarkan pengalaman mereka pada masa lalu. Pelajar yakin dan mampu memahami bahan bacaan kerana pencapaiannya dalam subjek bahasa Arab adalah baik. Sebaliknya, jika pencapaian mereka kurang baik akan mempengaruhi tahap keyakinan mereka untuk membaca bahan bahasa Arab.

4. Pencapaian orang lain

Sumber ini merujuk kepada pelajar yang menjadikan pengalaman orang lain sebagai pendorong mereka untuk lebih yakin membaca bahasa Arab. Seperti mereka yang dikelilingi

dengan rakan-rakan yang mampu membaca bahan bahasa Arab dengan baik, maka sedikit sebanyak mereka akan terpengaruh dengan orang disekeliling.

5. Pemujukan diri dan sosial

Pemujukan diri dan sosial merujuk kepada pelajar yang menjadikan sokongan dan dorongan daripada pensyarah atau orang yang mereka segani sebagai pendorong semangat kepada mereka untuk membaca bahasa Arab dengan lebih baik.

6. Keadaan fisiologi

Sumber ini merujuk kepada pelajar yang mempunyai emosi yang baik akan mampu membaca bahasa Arab dengan baik berbanding pelajar yang sering mengalami tekanan dan sentiasa runsing. Emosi pelajar akan mempengaruhi tahap keyakinan mereka untuk membaca bahasa Arab dengan baik dan mudah.

7. Sumber Metafizik

Sumber metafizik merupakan sumber berunsurkan ketauhidan dan pengakuan tentang *ilahiyyat* atau ketuhanan dalam penggunaan yang berterusan dalam aktiviti membaca bahasa Arab, contohnya memulakan pembacaan dengan Bismillah dan mengakhiri pembacaan dengan Alhamdulillah.

8. Membaca

Membaca bahasa Arab yang dimaksudkan ini adalah aktiviti yang berkaitan membaca bahan berbahasa Arab oleh pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan yang dikemukakan di atas, dapatlah dirumuskan objektif utama kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengukur tahap persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan pendekatan kuantitatif bagi memperolehi data kajian. Menurut Mohd Majid (2009) kaedah ini melibatkan sampel yang ramai. Kajian ini akan mengumpul data-data yang diperolehi daripada responden dan data tersebut akan dianalisis. Bagi kajian deskriptif, data dipungut daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan taburan skor dilaporkan. Kaedah bagi penganalisan data pula adalah dengan menggunakan *Statistikal Packages for Social Science (SPSS)*.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen soal selidik ini sangat bersesuaian dengan kajian yang melibatkan ramai responden. Justeru itu, pengkaji menjadikan instrumen soal selidik ini bagi mengumpul data-data kajian yang berbentuk kuantitatif.

a) Set soal selidik

Pengkaji menggunakan soal selidik Melnick et. al, (2009) dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian. Ia dikategorikan kepada dua bahagian iaitu;

Bahagian A : Latar Belakang sampel

Bahagian ini merupakan maklumat diri sampel yang mengandungi butiran peribadi meliputi jantina, universiti dan tahun pengajian. Bahagian soalan ini dibentuk sendiri oleh pengkaji bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan tentang latar belakang sampel bagi mencapai objektif kajian.

Bahagian B : Soal selidik bahagian ini adalah untuk mengetahui sumber-sumber efikasi sendiri daripada sampel. Bahagian ini mengandungi pernyataan-pernyataan untuk mengukur tahap efikasi sendiri membaca yang digunakan oleh pelajar. Inventori ini telah digunakan dalam beberapa kajian sebelum ini dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Soalan ini menggunakan *Reader Self Perception Scale* merupakan singkatan (RSPS) yang telah dibangunkan oleh Melnick et. al (2009), dalam menilai persepsi pelajar berkaitan efikasi sendiri membaca.

b) Skala Pengukuran

Bahagian ini menggunakan skala Likert berdasarkan seperti jadual di berikut :

Jadual 1 Skala Pengukuran Respon Bagi Tahap Efikasi Kendiri

| Bilangan | Skala |
|-----------------|---------------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju |
| 2 | Tidak Setuju |
| 3 | Kurang Setuju |
| 4 | Setuju |
| 5 | Sangat Setuju |

Skala Likert digunakan untuk mengukur respon pelajar. Skala Likert ini menggunakan angka 1,2,3,4,5 yang mewakili tahap persetujuan sampel mengenai sesuatu pernyataan.

SAMPEL DAN TEMPAT KAJIAN

Penetapan jumlah sampel yang disyorkan bagi populasi seramai 700 orang, pengkaji perlu mengedarkan borang soal selidik kepada 248 sampel dalam populasi tersebut. Oleh itu dalam kajian ini seramai 252 pelajar dipilih secara rawak.

Jadual 2 Demografi Sampel Kajian (N= 252)

| Latar belakang | Bilangan |
|--|-----------------|
| Jantina | |
| Lelaki | 64 |
| Perempuan | 188 |
| Tahun pengajian | |
| 1 | 78 |
| 2 | 61 |
| 3 | 94 |
| 4 | 19 |
| Universiti | |
| Universiti Putra Malaysia | 59 |
| Universti Kebangsaan Malaysia | 65 |
| Universiti Malaya | 63 |
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 65 |

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih daripada pelajar pengkhususan bahasa Arab. Mereka belajar di empat (4) buah universiti, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merujuk jadual 1 demografi sampel kajian adalah berkaitan latar belakang sampel bagi kajian ini ialah jantina, tahun pengajian, dan universiti. Seramai 59 orang pelajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), 63 orang pelajar daripada Universiti Malaya (UM), 65 orang pelajar daripada Universti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seramai 65 orang pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji akan membincangkan dan menghuraikan hasil daripada analisis data soal selidik yang diedarkan kepada responden. Sebanyak 252 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang akan digunakan dalam penganalisan data. Proses penganalisan data yang dikumpul menggunakan *Statistikal Packages for Social Science* (SPSS). Bagi menjawab

objektif kajian ini, statistik deskriptif akan digunakan. Data yang dianalisis melibatkan bentuk frekuensi (f), peratusan (%), min dan sisihan piawai.

Berikut adalah dapatan analisis daripada jawapan soal selidik tersebut:

Analisis Tahap Sumber Efikasi Kendiri Membaca Secara Keseluruhan

Jadual 3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi sumber efikasi kendiri membaca secara keseluruhan.

Jadual 3 Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Bagi Sumber Efikasi Kendiri Membaca (N=252)

| Sumber | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) |
|----------------------------------|----------------|----------------------------|
| Sumber Pencapaian Diri Sendiri | 52.76 | 4.41 |
| Sumber Keadaan Fisiologi | 44.10 | 3.97 |
| Sumber Pemujukan Diri dan Sosial | 34.89 | 3.93 |
| Sumber Pencapaian Orang Lain | 34.71 | 4.28 |
| Sumber Metafizik | 20.58 | 2.22 |

Jika dilihat daripada keseluruhan skor min yang tercatat, terdapat perbezaan skor min antara keempat-empat kategori ini. Jadual 3 menunjukkan bahawa pencapaian diri sendiri mencatatkan skor tertinggi (M=52.76, SP=4.41). Sumber metafizik pula mencatatkan skor min terendah (M=20.58, SP=2.44). Manakala bagi sumber pemujukan diri dan sosial berada pada tahap ketiga dengan catatan skor min (M=34.89, SP=3.93). Seterusnya sumber pencapaian orang lain berada pada tahap keempat dengan mencatat skor min (M=34.71, SP=4.28).

Jadual berikut menunjukkan tahap sumber efikasi kendiri membaca secara keseluruhan, seperti berikut :

Jadual 4 Tahap Sumber Efikasi Kendiri Secara Keseluruhan (N=252)

| Tahap | Frekuensi | Peratus |
|--------------|------------------|----------------|
| Tinggi | 45 | 18 |
| Sederhana | 67 | 26.5 |
| Rendah | 140 | 55.5 |
| Jumlah | 252 | 100 |

Jadual 4 menunjukkan frekuensi dan peratusan tahap pelajar secara keseluruhannya. Peratusan tertinggi seramai 140 orang (55.5%) pada tahap rendah. Manakala seramai 67 orang, iaitu 26.5% berada pada tahap sederhana, dan diikuti tahap tinggi seramai 45 orang

(18%) sahaja. Data kajian menunjukkan keseluruhan tahap persepsi pelajar IPTA bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca berada pada tahap rendah.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan yang diperolehi telah dibincangkan secara terperinci dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap sumber efikasi sendiri dalam kalangan sampel. Hasil kajian menunjukkan tahap sumber efikasi sendiri membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan hanya sebahagian kecil mempunyai efikasi sendiri semasa membaca.

Apa yang diperolehi daripada dapatan kajian menjelaskan bahawa kesemua dimensi sumber efikasi sendiri membaca pelajar yang telah dianalisis menunjukkan tahap rendah sebanyak 55.5 % yang diwakili 140 orang pelajar. Ini menunjukkan lebih separuh responden yang membaca bahasa Arab mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah. Seterusnya 26.5% yang diwakili 67 orang pelajar adalah berada pada kedudukan sederhana. Ini menunjukkan hanya $\frac{1}{4}$ berada pada tahap sederhana. Manakala 18% hanya diwakili seramai 45 orang responden sahaja. Ini menunjukkan kurang daripada $\frac{1}{5}$ responden yang mempunyai tahap efikasi sendiri tinggi.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Bagi mencari jawapan objektif utama kajian ini, secara keseluruhannya dapatan kajian mendapati bahawa tahap persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca adalah berada pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan pelajar masih kurang yakin dan berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan membaca bahasa Arab. Selain itu, hal ini berkemungkinan menjadi faktor kepada isu kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab. Memandangkan masih kurang kajian yang menekankan isu tahap persepsi pelajar bahasa Arab terhadap efikasi sendiri dalam membaca di IPTA Malaysia selain hanya memfokuskan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sahaja.

Namun, efikasi sendiri membaca bahasa Arab amat berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab. Pelajar memerlukan tahap efikasi sendiri yang tinggi bagi membantu meningkatkan tahap keyakinan seterusnya dapat menguasai kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik. Dalam hal ini, kebanyakan pelajar masih berada pada tahap lemah dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab. Bertepatan dengan Mat Taip Pa (2006) dan Ab. Halim (2007) menyatakan pelajar masih ditahap lemah dan kurang mampu membaca dalam bahasa Arab dengan baik.

Tahap kelemahan ini memberi kesan kepada penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca. Kajian terdahulu mendapati tahap membaca pelajar yang kurang memuaskan dan prestasi penguasaan bahasa Arab yang dikatakan semakin menurun (Wan Abrisam, 2002; Saupi, 2003; Nasimah, 2006; Kamarul Shukri et al. 2008). Kajian ini menjelaskan bahawa tahap efikasi sendiri membaca pelajar yang rendah memberi pengaruh besar kepada tahap penguasaan pelajar bagi kemahiran membaca. Jika pelajar sendiri tidak yakin dan percaya

kepada kemampuan diri dalam menguasai kemahiran tersebut, maka secara langsung mereka tidak berusaha dengan gigih untuk menguasainya.

Berdasarkan rumusan kajian yang telah dibentangkan, terdapat saranan-saranan penting daripada kajian ini yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Ini dapat membantu pengaliran maklumat baru berkaitan efikasi sendiri membaca secara berkesan untuk jangka panjang. Antara saranan tersebut adalah seperti berikut :

1. Saranan Kepada Pelajar

a) Pelajar sewajarnya mengetahui kepentingan kemahiran membaca dalam menguasai bahasa Arab sebagai bahasa asing. Untuk menguasai dengan baik, pelajar perlu yakin dan percaya dengan kemampuan diri. Oleh itu, efikasi sendiri sangat penting untuk membantu pelajar membina keyakinan diri untuk mendorong mereka berusaha menguasai kemahiran membaca.

b) Pelajar digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti membaca bahan berbahasa Arab. Ini membantu pelajar meningkatkan kefahaman dan menambah kosa kata bahasa Arab. Dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti ini secara langsung dapat meningkatkan tahap efikasi sendiri membaca bahasa Arab.

c) Pelajar juga disarankan untuk mempelajari cara mengorganisasi maklumat yang diperolehi daripada sumber bacaan bahasa Arab yang diterima dengan menggunakan pelbagai strategi bahasa. Ini dapat menjadikan aktiviti membaca adalah sesuatu yang mudah difahami. Maka pelajar lebih berminat untuk terus membaca bahan berbahasa Arab. Untuk mahir dalam kemahiran bahasa, pelajar perlu lebih berusaha. Dengan itu, tahap efikasi sendiri pelajar akan meningkat serta dapat memberi kesan positif kepada penguasaan bahasa Arab.

2. Saranan daripada Sudut Pedagogi

a) Peranan guru dan pensyarah amat penting dalam memberi kesan yang ketara ke atas peningkatan motivasi dan kepercayaan diri mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pensyarah hendaklah sentiasa memuji pelajar kerana pujian dan sokongan daripada guru dan pensyarah, dapat membantu pelajar meningkatkan efikasi sendiri mereka dalam menguasai kemahiran tertentu.

b) Para guru dan pensyarah disarankan sentiasa menilai kepercayaan pelajar terhadap pembelajaran seperti efikasi sendiri atau sebab dan akibat yang menyebabkan pelajar sukar menguasai kemahiran bahasa amnya. Ini kerana kesukaran pelajar sering berkaitan dengan motivasi diri. Perhatian dan sokongan daripada guru dan pensyarah amat diperlukan oleh pelajar untuk memperbaiki kaedah pembelajaran mereka.

RUJUKAN

- Abdul Alim Ibrahim. 1994. *Al-Muwajih al-Fanni Limudarrisi al-Lughah al-Arabiyyah*. Darul Ma'arif, Kaherah.
- Ab. Halim Ismail. 2005. *Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kaedah Komunikatif*. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.). *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi*. (pp.137-162). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007- Peningkatan Kualiti Penyelidikan dalam Pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab.Halim Mohamad & Wan Mohammad Wan Sulong. 2006. Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Dlm. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 9-18, 2006.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE* Vol.2, No.2, 9-20.
- Bandura, A. 1997. *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: W.H. Freeman.
- Bandura, A. 1995. *Self-efficacy in changing societies*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Bandura, A. 1977. Self-efficacy: Toward a unifying theory behavioral change. *Psychological Review*. 84 (2): 191-215.
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Bandura, A, Barbaranelli C, Caprara GV, Pastorelli C. 2000. Sociocognitive Self-Regulatory Mechanisms Governing Transgressive Behavior. *J. Per.Soc. Psychol*. In press.
- Betz, N. E., & Hackett, G. 1988. Application of self-efficacy theory to understanding career choice behavior. *Journal of Social and Clinical Psychology*. 4: 279-289.
- Ghazali Yusri et al. 2011. Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab, GEMA Online™ *Journal of Language Studies* Volume 11(1): 81.
- Grabe, W. 2004. Research on Teaching Reading. *Annual Review of Applied Linguistics*, 24, 44-69.

- Goodman, K.S. 1973. Psycholinguistic Universals of The Reading Process. Dalam Pyscholinguisitic and Reading disunting oleh F. Smith. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kaseh Abu Bakar, Nik Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Rifaai. 2010. Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 10 (1). 2010.
- Kamarul Shukri Mat Teh. Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Menelusuri Arus Perubahan. *Kertas Kerja Bengkel Pengajaran Bahasa Arab*. Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu. 2006.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2009. Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa, GEMA Online Journal of Language Studies 9 (2): 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. *Proceedings of 3rd International Language Learning Conference*. 209–222, 2008.
- Mohd. Majid Konting. 2009. Kaedah Penyelidikan Pendidikan, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marziawati@Ziah Mardan. 2003. Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mat Taib Pa. 2006. Dasar-Dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (pnyt.). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, hlm. 1–14. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Md. Shah, Ishak. 2009. *Efikasi diri dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar IPTA*. Pembangunan Akademik: Beberapa Isu. (pp. 47-72). Johor: Penerbit UTM Press.
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali. *Kemahiran Membaca dalam Bahasa Arab: Kerangka Konseptual*. Dalam Ahmad Najib et al. 2009. Pengajian Islam Dan Isu-isu Kontemporari 09, Kota Bharu; Akademi Pengajian Islam UM, Nilam Puri, 161-174, 2009.

- Melnick, Steven A., Henk, William A., and Marinak, Barbara A., Validation of a Reader Self Perception Scale (RSPS2) for Use in Grades 7 and Above. *NERA Conference Proceedings* (11), 2009.
- Nasimah Hj Abdullah. Permasalahan dalam Pembelajaran bagi Pelajar Diploma Pengajian Islam (bahasa Arab) di KUIS dan Cara Mengatasinya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5*. 199-208, 2006.
- Naimah Abdullah. Peranan Penyelidikan dalam usaha menyelesaikan isu-isu dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa*. Universiti Malaysia Sabah, Oktober 2004.
- Nik Mohd Rahimi. Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad Ke-21. *Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1998.
- Nik Farhan Mustapha. 2011. *Istirātijyyāt al-Qiraah ladā Ṭalabah al-Lughah al-'Arabiyyah*. Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nik Hanan Mustapha et. al. 2013. Arabic Language Efficacy Questionnaire (ALEQ): Assessing Self-Efficacy and Achievement. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Volume 13(1): 155.
- Norazman bin Mohd. Noordin. 2006. *Penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Arab: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Pajares, F. 1996. Self-efficacy beliefs in academic settings. *Review of Educational Research*, 66(4): 543-578.
- Rosni bin Samah. 2009. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saupi Man. 2003. Tuntutan-tuntutan asas pengajaran bahasa Arab Komunikasi di luar Negara Arab. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*, 263-275.
- Schwarzer, R. Perceived Self-Efficacy. *National Cancer Institute*, 1992, pp.1-33.
- Wan Abrisam Wan Ahmad. (2002). Tinjauan Sikap Pelajar Terhadap BAK di Sekolah-sekolah Daerah Machang, Kelantan. Kertas Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd. Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. 2005. *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2007. *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.